

Rawatan kecantikan jangan sampai ubah rupa paras asal

15/5/19 MSJ

Keinginan untuk kelihatan cantik dalam kalangan lelaki dan wanita semakin meningkat.

ia dibuktikan dengan pusat rawatan estetik tumbuh bagi cendawan lepas hujan. Di media sosial, pusat kecantikan tidak bertauliah turut menawarkan iklan perkhidmatan termasuk rawatan ke rumah pelanggan.

Tinjauan BH di media sosial mendapati, ada pelanggan dalam kalangan berkahwin, turut berkongsi bangga memiliki wajah dan tubuh badan idaman hasil rawatan estetik yang dilakukan semata-mata untuk suami atau isteri. Realitinya, dalam usaha untuk kelihatan cantik, bukan semua rawatan ditawarkan di pasaran, dibenarkan dalam Islam.

Alasan menjalani rawatan tertentu seperti pembedahan, suntikan filler untuk membesarkan bahagian anggota tubuh seperti pinggul dan payudara, atas alasan

kebahagiaan pasangan, bukan juga tiket untuk sewenang-wenangnya merubah ciptaan Allah.

Hal ini ditegaskan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang menyatakan bagaimana jenis rawatannya, ia tidak keterlaluan sehingga mengubah khilqah ma'budah (ciptaan atau rupa paras yang standard).

Firman Allah SWT: "Katakanilah (wahai Muhammad): Siapakah yang (berani) mengharankan perhiasan Allah yang dikeluarakan-Nya untuk hamba-Nya, dan demikian juga benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya? Katakanlah: Semuanya itu ialah (nikmat) untuk orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang beriman sahaja) pada hari kiamat. Demikianlah Kami jelaskan ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang yang (mahu)

mengetahui. (Al-A'raf: 32)

Perlukan perincian teliti

Mengenai segelintir pasangan berkahwin memberi alasan ia dilakukan khusus untuk tatapan dan keseronokan pasangan, Zulkifli berkata, ia seharusnya memerlukan perincian teliti.

"Misalnya jika kecilnya payudara isteri menyebabkan hubungan suami isteri menjadi renggang, pembesaran payudara boleh dilakukan seperti dinyatakan secara terperinci dalam al-Mausu'ah al-Tibbiyyah, al-Fiqhiyyah wa al-Nawazil al-'Asriyyah."

"Bagaimanapun, saya berpandangan ia hendaklah dibuat selepas rundingan dengan pakar kaunseling keluarga, psikiatri dan pakar perubatan bagi memastikan masalah yang dihadapi itu benar-benar berlaku, iaitu renggang hubungan keluarga disebabkan isu fizikal isteri," katanya.

Menyentuh mengenai lelaki, meletakkan bebola pada bahagian anggota sulit, Zulkifli berkata, beliau cenderung untuk tidak membenarkannya tambahan pula, ia tidak termasuk dalam khilqah ma'budah (ciptaan atau rupa paras yang standard).

Daripada Abdullah Ibnu Mas'ud RA: "Sesungguhnya Nabi SAW melaknat wanita yang mengenakan tatu dan meminta ditatu, wanita yang mencukur alis, demi mencari keindahan dan mengubah ciptaan Allah."

Zulkifli turut menasihati umat Islam yang suka melakukan perubahan pada anggota tubuh baharu dan atas alasan untuk pasangan bahawa keseronokan dan keindahan di dunia hanya sementara.

"Jangan kita keterlaluan sehingga melanggar batas agama. Kita perlu sedar di sana ada juga alam barzakh yang segala amalan kita akan dihitung-Nya," katanya.



Jangan kita keterlaluan sehingga melanggar batas agama. Kita perlu sedar di sana ada juga alam barzakh yang segala amalan kita akan dihitung-Nya"

Zulkifli Mohamad Al-Bakri
Mufti Wilayah Persekutuan